



# KENYATAAN MEDIA

## MENTERI PERPADUAN NEGARA

### JAUHI SEBARANG KENYATAAN YANG MENYENTUH SENSITIVITI AGAMA DAN KAUM

Saya amat kecewa dan mengutuk keras dengan kenyataan yang dikeluarkan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad yang mendakwa bahawa “masyarakat India Malaysia masih tidak setia sepenuhnya kepada negara ini kerana mereka masih terikat dengan negara asal mereka”.

Beliau sebagai seorang negarawan yang telah bersama-sama membina negara bangsa ini sepatutnya menjadi seorang ejen perpaduan negara dalam menyebarkan mesej-mesej kebersamaan.

Negara ini telah dibina atas dasar kebersamaan melalui Kontrak Sosial yang telah membawa kemerdekaan. Dalam menyatupadukan rakyat yang pelbagai kaum, agama, etnik dan budaya di negara ini, pemimpin terdahulu (*fore fathers*) telah mendukung wadah integrasi nasional berbanding asimilasi. Kini sudah pun lebih 60 tahun merdeka, rakyat masih mengekalkan nilai “Perpaduan dalam Kepelbagaian” sebagai resam hidup.

Saya menyeru kepada semua lapisan masyarakat termasuk pemimpin politik untuk tidak mengeluarkan sebarang kenyataan yang menyentuh sensitiviti agama dan kaum sekali gus boleh menimbulkan kebencian. Pemimpin politik seharusnya menjadi teladan (*role model*) dalam memupuk nilai-nilai perpaduan, muhibah dan semangat kebersamaan.

Kita harus mempelajari, memahami dan mengambil teladan daripada peristiwa sejarah yang pernah dilalui oleh Malaysia agar perpaduan serta keharmonian antara kaum yang dirasai sekarang dapat terus dinikmati.

Ingatlah, kepelbagaian itu adalah kelebihan dan kekuatan.

**YB DATUK AARON AGO DAGANG**  
**MENTERI PERPADUAN NEGARA**  
**13 JANUARI 2024**